

Sarawak paling maju menjelang 2020

KUCHING, Isnin — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Sarawak dapat mencapai matlamatnya untuk menjadi negeri paling maju di negara ini menjelang tahun 2020.

Menurutnya, sebelum ini ada anggapan mengatakan Sarawak ketinggalan kira-kira 10 tahun di segi pembangunan, berbanding negeri lain di Semenanjung dan tidak mungkin dapat mencapai matlamat Wawasan 2020.

“Anggapan ini mungkin benar jika mengambilkira Sarawak lewat sedikit menyertai Malaysia, tetapi ia juga mungkin tidak benar jika mengambilkira hakikat di negeri ini kini.

“Sesiapa pun tidak dapat menafikan Sarawak pesat membangun sejak 10 tahun lalu. Malah dalam aspek tertentu, negeri ini sekarang lebih maju berbanding bebera-

pa negeri di Semenanjung seperti dalam industri pelancongan, perhutanan dan industri petrokimia,” katanya.

Berucap merasmikan perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di sini hari ini, beliau berkata, pembangunan kini berlaku di segenap pelosok Sarawak termasuk pedalaman.

Malah, katanya, masyarakat Penan yang tidak dihasut supaya menolak pembaharuan, turut mencapai pembangunan setaraf dengan kaum lain.

Dr Mahathir berkata, kejayaan Sarawak sekarang adalah hasil perkongsian kuasa dengan pelbagai kaum dan dasar politik pembangunan yang menjadi landasan perjuangan Barisan Nasional Negeri (BN3) pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Katanya, amalan kerja-

ma dan berkongsi nikmat pembangunan dengan semua kaum perlu dipelihara agar.

“Negeri yang tidak menerima konsep ini dan lebih mengutamakan kepentingan satu kaum, akhirnya tidak akan mendapat apa-apa kerana sikap sedemikian boleh menimbulkan pergaduhan dan seterusnya mengganggu pembangunan,” katanya.

Beliau juga berkata, hubungan baik di antara kerajaan negeri dan Pusat sekarang perlu dipelihara untuk menjamin segala rancangan dan projek Kerajaan Persekutuan bagi manfaat rakyat Sarawak, dapat dilaksanakan tanpa gangguan seperti di Kelantan baru-baru ini.

“Kerenggangan hubungan di antara dua kerajaan tidak akan membawa manfaat kepada sesiapa,” katanya.